

Mohon kuota khas pelajar tajaan Terengganu

DUNGUN 2 Dis. - Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan rasmi kepada kerajaan Pusat agar kuota khas ditetapkan bagi pelajar Terengganu melanjutkan pelajaran di bawah tajaan jabatan dan agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, langkah itu adalah berikutan peningkatan pencapaian cemerlang anak-anak negeri ini dalam peperiksaan awam pada setiap tahun.

Katanya, kerajaan negeri selama ini turut menyediakan peruntukan besar dalam bidang pendidikan pada setiap tahun termasuk dari segi tajaan sedangkan perkara itu di bawah tanggungjawab kerajaan Pusat.

"Kita bukannya hendak menjimatkan belanja dalam pendidikan, sebaliknya kerajaan negeri juga perlu memberi tumpuan dalam menyelesaikan isu-isu pembangunan dan kebajikan rakyat," katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan kerja di kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd. Zubir Embong; Pengarah Kolej Antarabangsa Ketengah Mara



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN melihat produk yang dijual di Pusat Transformasi Luar Bandar Bandar Al-Muktafi Billah Shah ketika lawatan kerja ke kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Dungun, Terengganu, semalam.

(MCIK), Sharifah Zaharah Tengku Embong; Pengurus Besar Ketengah, Wan Mat Amin Wan Daud dan Pegawai Pembangunan Parlimen Dungun, Datuk Din Adam.

Mengupas isu kuota, Ahmad Razif memberikan contoh bagaimana MCIK hanya mengambil seramai 15 pelajar anak negeri sedangkan pelajar dari negeri Selangor seramai 81 pelajar.

Beliau menambah, sepatutnya

kuota yang lebih diberikan kepada pelajar-pelajar negeri ini yang mendapat keputusan cemerlang.

"Begitu juga dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), sekarang tiada kuota langsung untuk anak negeri sedangkan Unisza diasaskan daripada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang pada asalnya milik kita, jadi di manakah keistimewaan untuk pelajar kita yang cemerlang," soalnya.